



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI ANJUR MYSTARTUP NXT DI SARAWAK, MEMACU PERKEMBANGAN STARTUP TEMPATAN

KUCHING, 11 Julai 2023 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) hari ini mengumumkan persinggahan kedua siri jelajah persidangan mikro MYStartup NXT yang akan berlangsung di Sarawak, Malaysia. Persidangan yang bakal membawa pembaharuan ini menghimpunkan bakal usahawan, syarikat rintisan atau startup sedia ada serta pakar industri untuk menyuburkan keterangkuman, impak dan kemampuan mereka dalam ekosistem startup Malaysia yang cemerlang.

MYStartup NXT Sarawak adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan lebih 5,000 startup berkualiti menjelang 2025. Inisiatif ini akan menyediakan sokongan yang mereka perlukan untuk berkembang maju dalam ekosistem startup yang dinamik.

Siri persidangan mikro dua (2) hari ini, yang dianjurkan dengan kerjasama Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS), akan menjadi platform yang menawarkan peluang kepada usahawan yang bercita-cita tinggi dan sedia ada untuk belajar, meluaskan jaringan, dan mendedahkan diri mereka kepada pihak korporat, gergasi teknologi, pelabur, serta pemegang taruh lain yang berkaitan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan.

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, “Kami percaya inisiatif MYStartup akan terus memacu inovasi, mencipta peluang pekerjaan, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi serantau yang menyeluruh. Kami di MOSTI akan terus komited mendukung inisiatif melalui MYStartup yang membantu perkembangan keusahawanan dan kemajuan teknologi sambil kita bekerjasama untuk membangunkan sebuah ekosistem startup yang bersemangat dan mampan di Sarawak dan di Malaysia amnya.”

Mengulas mengenai persidangan itu, **Ahmad Kashfi Alwi, Naib Presiden Kanan Pembangunan Ekosistem, Cradle** berkata, “Sarawak sebuah negeri yang unik, yang memberikan cabaran yang berbeza kepada usahawan untuk memulakan dan

mengembangkan perniagaan mereka. Bersama rakan kongsi dan pemegang taruh, kami merangka persidangan ini secara khusus dengan mengambil kira landskap keusahawan di Sarawak. Harapan kami, ia dapat menzahirkan sebuah ekosistem yang lebih inklusif dan mampan untuk Malaysia.

"Kami teruja dengan sambutan dan penglibatan yang menggalakkan terhadap MYStartup NXT di Sarawak. Ia membuktikan potensi sebenar Sarawak sebagai landasan pelancaran yang belum diketahui umum di Asia Tenggara. Kami berazam mahu mengangkat Malaysia menjadi hab serantau untuk inovasi dan keusahawanan melalui siri persidangan mikro ini yang dianjurkan di serata Malaysia, yang menangani tiga teras utama penciptaan sebuah ekosistem yang kukuh, iaitu pengasas, pelabur dan pembangun," tambahnya.

Hari pertama MYStartup NXT di Sarawak dimulakan dengan perbincangan panel yang menggugah fikiran bertajuk "*Sarawak: An Undiscovered Launchpad to Southeast Asia*". Sarawak yang terkenal dengan warisan kebudayaan kini sedang muncul menjadi lokasi strategik bagi usahawan. Sidang panel mengupas potensi Sarawak yang belum dimanfaatkan untuk menjadi hab perniagaan strategik di Asia Tenggara berdasarkan beberapa faktor yang ideal, sebuah ekosistem startup yang menyokong sumber asli yang melimpah ruah, serta lokasi strategik jirannya Nusantara, yang tidak lama lagi akan menjadi ibu kota baharu Indonesia. Ahli-ahli panel menjelaskan faedah-faedah menuju startup di Sarawak dengan menonjolkan peluang-peluang industri yang unik selain berkongsi strategi untuk mengembangkannya ke peringkat global.

Sesi tumpuan mengenai "*Sarawak's Rise as a Tech Hub*" turut berlangsung pada hari pertama. Sesi ini mengetengahkan pencapaian luar biasa Strategi Ekonomi Digital Sarawak (2018-2022) yang merintis kepada transformasi negeri menjadi sebuah wilayah membangun menjelang 2030.

Dengan adanya hab inovasi digital, pusat komuniti dan desa, Sarawak menawarkan peluang luas kepada startup untuk menginkubasi serta ruang kepada perniagaan untuk berkembang dengan pendigitalan.

Pada hari kedua akan berlangsung sidang panel bertajuk "*Building Stronger Foundation: Secure and Scalable Cloud Infrastructures for Startups*". Panel akan menekankan kepentingan mewujudkan infrastruktur awan (*cloud infrastructure*) yang selamat dan berskala untuk pertumbuhan dan perkembangan startup dalam landskap perniagaan moden. Ini adalah tambahan kepada pembinaan asas kukuh untuk memajukan perniagaan, menjamin keselamatan data serta kebolehsuaian kepada keperluan yang berubah-ubah.

Selain itu, sesi bual santai mengenai "*Building a Next-Gen Catalyst: Empowering the Changemakers of Tomorrow*" membuka pentas untuk membincangkan peranan penting Sarawak sebagai pemangkin perubahan. Sesi ini meneroka bagaimana kedudukan strategik Sarawak boleh berperanan sebagai medan untuk kemajuan

teknologi dan menggalakkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat civil dalam memupuk inovasi dan kesan positif.

MYStartup berbangga menerajui persidangan yang transformatif ini, yang membolehkan bakal usahawan dan startup di serata Malaysia untuk menemukan potensi mereka dan memacu perubahan yang positif. Susulan kejayaan MYStartup NXT di Sarawak, siri persidangan mikro ini akan bersambung di Pulau Pinang dan Sabah, untuk terus memperkuuhkan ekosistem startup Malaysia yang sedang berkembang maju.

TAMAT

Disediakan oleh

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

11 Julai 2023

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi

PR & Media

Komunikasi Strategik

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)

+6012-271 3457

elmy@cradle.com.my